

Ibu negara dilanda banjir selepas hujan tiga jam

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR
afiqah.matnor@kosmo.com

KUALA LUMPUR – Hujan lebat tanpa henti selama tiga jam yang melanda ibu kota semalam menyebabkan beberapa jalan utama di sini lumpuh akibat banjir kilat.

Hujan bermula pukul 3 petang itu menyebabkan beberapa lebuhraya dan jalan utama iaitu Lebuhraya Mahameru, Jalan Duta, Bulatan Cheras, terowong Jalan Tun Razak menghala ke Cheras, Jalan Raja Chulan, Jalan Cheras dari Batu 5 1/2 bertentangan pusat beli-belah Leisure Mall dan Jalan Maarof ditutup sementara.

Banjir kilat yang menjadi lumrah kepada warga kota itu menyebabkan ribuan pengguna jalan raya terkandas beberapa jam

akibat kesesakan trafik luar biasa.

Seorang pengguna yang hanya mahu dikenali Ramli, 30, berkata, kenderaannya terkandas dalam kesesakan jalan raya selama dua jam di Jalan Tun Razak kerana terdapat dahan pokok patah berdekatan bangunan Kedutaan Indonesia.

Sebahagian laluan dalam terowong berhampiran Kedutaan Indonesia di Jalan Tun Razak turut ditenggelami air.

Dalam kejadian sama, sebuah kereta jenis BMW tenggelam dalam banjir kilat di Jalan Duta menyebabkan mangsa terperangkap beberapa minit.

Jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, pemandu kereta itu yang dalam perjalanan ke pusat bandar kemudiannya dapat menyelamatkan diri.

Ekoran kejadian banjir kilat itu, laluan di kedua-dua arah di Jalan Duta ditutup sementara sehingga paras air surut kira-kira pukul 6 petang semalam.


Menurut jurucakap itu, pihaknya turut menerima satu laporan membatik kes pokok tumbang menghempap 10 buah kenderaan di tempat letak kereta berhampiran sebuah stesen minyak di Salak Selatan.

“Anggota penyelamat dan petugas DBKL dihantar untuk kerja-kerja mengalihkan pokok berkenaan,” jelasnya.


Sementara itu, kejadian Jalan Chan Sow Lin berhampiran stesen transit aliran ringan (LRT) ditenggelami air setiap kali banjir kilat berulang kembali apabila ia terpaksa ditutup sementara sehingga pukul 6 petang ini setelah paras air naik naik setinggi tiga meter.



KERETA BMW yang tenggelam dalam banjir kilat di Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.



JALAN CHAN SOW LIN berdekatan stesen LRT ditenggelami air semalam.



SEBAHAGIAN Lebuhraya Mahameru menghala ke Jalan Tun Razak yang dinaiki air semalam.